



جَبَّارِيَّةٌ اَوْضَاءٌ لَانْ فَرِيدَةٌ بِحَاجِزٍ مَدْرِيَّةٍ بَارِعَةٌ
PEJABAT KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN
NEGERI PAHANG DARUL MAKMUR.
Tingkat 6, Wisma Sri Pahang,
25592 Kuantan.
Tel.: 09-512 6800 Fax.: 09-513 4839
Kawat: 'TREASURER' E-mail: pkn@pahang.gov.my



Ruj. Kami : PERB.PHG.SPA 100-1/1.9/1 (35)

Tarikh : 10 Ogos 2017

SEMUA KETUA JABATAN

YB. Dato' Sri/ YH. Dato' Sri/ YH. Dato' Indera/ YH. Dato'/ Tuan,

PEROLEHAN PERCETAKAN DOKUMEN RASMI KERAJAAN

Dengan hormatnya izinkan saya menarik perhatian YB. Dato' Sri/ YH. Dato' Sri/ YH. Dato' Indera/ YH. Dato'/ tuan kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana YB. Dato' Sri/ YH. Dato' Sri/ YH. Dato' Indera/ YH. Dato'/ tuan sedia maklum, Kerajaan Negeri Pahang telah menerimapakai **1Pekeliling Perbendaharaan (1PP)** bagi semua urusan berkaitan kewangan dan perolehan khususnya percetakan dokumen rasmi kerajaan. **1PP PK1: Peraturan Perolehan Perkhidmatan Percetakan Dokumen Kerajaan** telahpun menggariskan agar perolehan percetakan (kecuali Warta Rasmi Kerajaan) dilaksanakan seperti berikut:


- 2.1 dilaksanakan dengan syarikat Bumiputera yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan mengikut **tatacara perolehan semasa (Pembelian Terus, Sebut Harga atau Tender)** dengan kelulusan Pihak Berkuasa Melulus yang ditetapkan iaitu Ketua Jabatan bagi kaedah pembelian terus, Jawatankuasa Sebut Harga bagi kaedah Sebut Harga dan Lembaga Tawaran Negeri bagi kaedah Tender; dan
- 2.2 mendapatkan khidmat nasihat dan pengesahan dari Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia, Jabatan Perdana Menteri (PKPKKM, JPM) sebelum perolehan dilaksanakan.

3. Surat ini adalah membatalkan surat Pentadbiran ini rujukan **PERB.PHG.SPA 400-12/12.4/2 JILID.4 (34)** bertarikh **28 Julai 2017 yang terdahulu**. Perhatian dan kerjasama YB. Dato' Sri/ YH. Dato' Sri/ YH. Dato' Indera/ YH. Dato'/ tuan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian,

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,


(DATO' CHUA BON LING, DIMP., AAP., AMP.)
b.p PEGAWAI KEWANGAN NEGERI
PAHANG DARUL MAKMUR